

# IMPLIKATUR DALAM NOVEL *THE MISSING PIECE 1*: ANALISIS TEORI RELEVANS

## (*Implicature in the Novel The Missing Piece 1: A Relevance Theory Approach*)

Julaina Nopiah<sup>1</sup>  Sc  
julainanopiah@iiium.edu.my

Murni Zulaikha Md Abdur Rafique<sup>2</sup>  
murni.rafiq@gmail.com

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, 84600 Muar Johor, Malaysia.<sup>1&2</sup>

Pengarang koresponden (Corresponding author):<sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (To cite this article): Julaina Nopiah, & Murni Zulaikha Md Abdur Rafique. (2026). Implikatur dalam novel *The Missing Piece 1*: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 26(1), 57–82. [https://doi.org/10.37052/jb26\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb26(1)no3)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda  
(This article has undergone a double-blind peer review process)

|                       |           |                     |          |                      |          |   |           |
|-----------------------|-----------|---------------------|----------|----------------------|----------|---|-----------|
| Peroleh:<br>Received: | 10/4/2025 | Semakan:<br>Revised | 3/3/2026 | Terima:<br>Accepted: | 2/4/2026 | Terbit dalam talian:<br>Published online: | 30/6/2026 |
|-----------------------|-----------|---------------------|----------|----------------------|----------|---|-----------|

### Abstrak

Bahasa dalam karya sastera lazimnya bersifat bukan literal dan sarat dengan makna tersirat yang dikenali sebagai implikatur. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis penggunaan implikatur sebagai instrumen naratif dalam novel *The Missing Piece 1* karya Fatimah Busu. Dengan mengaplikasikan kerangka teori relevans (Sperber & Wilson, 1995), kajian ini memperincikan cara mesej tersirat diproses dan difahami melalui interaksi dinamik antara teks, konteks dan proses kognitif pembaca. Kajian ini memfokuskan dua prinsip utama teori relevans, iaitu prinsip relevans kognitif dan prinsip relevans komunikatif, di samping meneliti konsep ad hoc yang merangkumi penyempitan dan peluasan makna dalam pentafsiran implikatur yang terdapat dalam dialog dan metafora novel. Secara khususnya, kajian ini

dilakukan untuk mengenal pasti jenis implikatur yang digunakan dalam novel, menganalisis implikatur berdasarkan kerangka teori relevans 1995, serta menjelaskan fungsi implikatur sebagai alat naratif yang membentuk perkembangan plot dan penghayatan emosi watak. Kaedah kualitatif digunakan melalui analisis teks yang berfokuskan eksplikatur dan implikatur menurut teori relevans. Dapatan kajian menunjukkan bahawa implikatur berfungsi untuk memperdalam nuansa emosi, menghasilkan kesan kognitif yang signifikan dan membolehkan pembaca mencapai pemahaman optimum dengan usaha pemrosesan minimum sebagaimana yang diuraikan dalam teori relevans. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan analisis pragmatik sastra melalui penerapan teori relevans secara kritis dan sistematik.

Kata kunci: Implikatur, teori relevans, konsep ad hoc, eksplikatur, naratif sastra, metafora

#### ***Abstract***

*Language in literary works is often non-literal and rich in implied meanings known as implicatures. Accordingly, this study aims to analyse the use of implicature as a narrative instrument in *The Missing Piece 1* by Fatimah Busu. By applying the second edition of the relevance theory framework (Sperber & Wilson, 1995), this study examines how implied messages are processed and understood through the dynamic interaction between text, context, and the reader's cognition. The study focuses on two main principles of relevance theory, namely the cognitive relevance and communicative relevance. It also examines the ad hoc concept, which encompasses meaning narrowing and meaning broadening, in the interpretation of implicatures found in the novel's dialogues and metaphors. Specifically, the study seeks to identify the types of implicatures in the novel, to analyse these implicatures within the relevance theory framework (1995) and explain the function of implicature as a narrative device that shapes plot development and the emotional interpretation of characters. A qualitative was adopted through textual analysis focusing on explicatures and implicatures as proposed in relevance theory. The findings indicate that implicatures serve to deepen emotional nuances, generate significant cognitive effects, and enable readers to achieve optimal understanding with minimal processing effort, as outlined in relevance theory. This study contributes to the advancement of literary pragmatic analysis through the critical and systematic application of Relevance Theory.*

*Keywords: Implicature, relevance theory, ad hoc concepts, explicature, literary narrative, metaphor*

## PENDAHULUAN

Novel *The Missing Piece 1* karya Fatimah Busu mengisahkan perjalanan hidup seorang wanita bernama Imrah yang mengalami konflik emosi, pengalaman sosial dan dinamika hubungan manusia. Walaupun naratifnya kelihatan mudah, novel ini sarat dengan makna tersirat yang disampaikan melalui dialog, metafora dan ungkapan tidak langsung. Kefahaman terhadap makna tersirat ini memerlukan pembaca melakukan proses inferens berdasarkan konteks, seterusnya menjadikan aspek pragmatik penting untuk memahami keseluruhan naratif.

Isu utama kajian ini berakar umbi daripada kurangnya penelitian mendalam terhadap peranan implikatur sebagai mekanisme naratif yang membentuk makna dalam karya sastera. Implikatur merujuk makna tersirat yang melangkaui ekspresi literal, iaitu mesej sebenar yang tidak dinyatakan secara eksplisit oleh penulis (Siti Solehah & Eva Nurmayani, 2020). Walaupun karya Fatimah Busu banyak dikaji dari sudut gaya bahasa dan tema, fungsi implikatur untuk membina nuansa emosi dan memacu perkembangan plot masih belum dihuraikan secara saintifik dan ilmiah. Ketiadaan analisis pragmatik yang tuntas ini menyebabkan pemaknaan terhadap teks sering terhad pada lapis tersurat, sekali gus mengabaikan kekayaan makna yang tersembunyi di balik dialog dan narasi. Oleh itu, kajian ini kritikal untuk dilaksanakan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti cara makna tersirat dibentuk melalui mekanisme pragmatik dalam novel, seterusnya mendedahkan lapisan pemikiran penulis yang lebih kompleks.

Kajian terdahulu menunjukkan kecenderungan yang ketara dalam penggunaan edisi awal teori relevans (TR), sedangkan edisi kedua oleh Sperber dan Wilson (1995) menawarkan kerangka yang lebih komprehensif bagi menjelaskan mekanisme eksplikatur, implikatur dan operasi ad hoc. Kekurangan aplikasi TR edisi 1995 ini menyebabkan proses pembinaan makna tersirat dalam teks sastera sering dianalisis secara kurang sistematik dan tidak menyeluruh (Siti Solehah & Eva Nurmayani, 2020). Jurang ilmiah ini mewujudkan keperluan mendesak untuk menilai semula cara aplikasi TR edisi 1995 dapat menjelaskan strategi pengekodan makna tersurat dan tersirat dalam novel *The Missing Piece 1*. Melalui integrasi konsep ad hoc khusus (ad hoc concepts), kajian ini berupaya merungkai cara pembaca memproses maklumat naratif secara kognitif untuk mencapai kesan kontekstual yang optimum (Wilson & Carston, 2007).

Dengan berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis implikatur dalam novel, menganalisisnya

melalui teori relevans edisi kedua, dan menjelaskan fungsi implikatur dalam pembangunan makna naratif. Melalui penerapan prinsip relevans kognitif dan relevans komunikatif, pengkaji menilai cara pembaca mencapai makna optimum dengan usaha pemrosesan minimum seperti yang digariskan dalam TR 1995. Intuisi relevans membantu pembaca dalam pengenalanpastian perbezaan antara maklumat yang lebih relevan dengan yang kurang relevan (Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet, 2020). Pendekatan ini membolehkan pembinaan makna tersirat dijelaskan secara lebih teratur dan berasaskan teori.

Secara keseluruhan, kajian ini mengisi jurang penyelidikan terdahulu dengan menawarkan analisis pragmatik yang lebih kritis dan sistematik terhadap novel *The Missing Piece I*. Melalui penelitian khusus terhadap implikatur dan operasi ad hoc, pengkaji memperincikan mekanisme pembentukan makna naratif yang terhasil daripada interaksi dinamik antara unsur tersurat dengan unsur tersirat. Usaha ini bukan sekadar merungkaikan lapisan teks, malah diharapkan dapat memberikan sumbangan signifikan terhadap pengembangan bidang pragmatik sastera dan memperkukuh kerangka kefahaman tentang proses pentafsiran makna dalam sesebuah teks fiksiyen yang kompleks.

### **Pernyataan Masalah**

Walaupun novel *The Missing Piece I* dikaji dari pelbagai sudut konvensional, seperti tema, konflik dan perkembangan watak, kajian khusus yang meneliti implikatur sebagai alat naratif masih belum diberikan perhatian yang sewajarnya. Kebanyakan penelitian terdahulu cenderung untuk mengutamakan analisis sastera secara tradisional, manakala aspek komunikasi tersirat yang membentuk kehalusan makna dalam teks kurang diketengahkan. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2003), analisis makna dalam teks Melayu sering terhenti pada peringkat semantik luaran sehingga mengabaikan aspek pragmatik yang lebih mendalam. Keadaan ini menyebabkan dimensi kognitif yang memperkaya proses pemaknaan karya tidak sepenuhnya diterokai, sedangkan kekuatan naratif fiksiyen sering bergantung pada keupayaan pembaca untuk merungkaikan mesej yang tidak dinyatakan secara eksplisit (Siti Solehah & Eva Nurmayani, 2020; Sperber & Wilson, 1995).

Tambahan pula, meskipun TR diaplikasikan secara meluas dalam bidang pendidikan, media dan wacana sosial (Muhammad Zaid Daud et al., 2021), penerapannya dalam analisis naratif novel Melayu masih berada pada tahap yang terhad. Penggunaan dua prinsip utama, iaitu prinsip

relevans kognitif dan prinsip relevans komunikatif, serta mekanisme pembinaan konsep ad hoc melalui proses penyempitan dan peluasan makna, masih belum diaplikasikan secara menyeluruh dalam konteks kesusasteraan fiksiyen. Menurut Wilson dan Carston (2007), operasi ad hoc kunci bagi memahami cara konsep khusus dibentuk dalam minda pembaca ketika berinteraksi dengan teks yang kompleks. Kegagalan pengaplikasian kerangka ini menyebabkan cara pembaca membentuk inferens kognitif ketika berhadapan dengan implikatur naratif belum dapat dijelaskan secara saintifik (Blakemore, 2002; Yus, 2011).

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengisi kekosongan ilmiah tersebut dengan menawarkan analisis yang lebih komprehensif tentang penggunaan implikatur dalam *The Missing Piece I*. Dengan berpandukan kerangka pragmatik-kognitif yang mutakhir (Sperber & Wilson, 1995), kajian ini dilakukan untuk merapatkan jurang antara disiplin linguistik dengan sastera. Hal ini penting bagi membuktikan bahawa makna naratif bukan sekadar entiti statik, sebaliknya proses dinamik yang melibatkan kos pemprosesan kognitif dan kesan kontekstual yang optimum (Chapman, 2011; Pilkington, 2000).

### **Objektif Kajian**

Dengan berdasarkan jurang kajian dan keperluan analisis yang lebih kritis seperti yang dihuraikan dalam pernyataan masalah, terdapat tiga objektif dalam kajian ini, iaitu:

1. Mengenal pasti jenis implikatur yang terdapat dalam novel *The Missing Piece I* karya Fatimah Busu.
2. Menganalisis proses pembentukan makna berdasarkan teori relevans edisi kedua (Sperber & Wilson, 1995) dengan memfokuskan prinsip kognitif, prinsip komunikatif dan pembinaan konsep ad hoc.
3. Menjelaskan fungsi implikatur sebagai alat naratif bagi menggerakkan plot, watak, konflik emosi dan tema tersirat.

### **KAJIAN LEPAS**

Penyelidikan mengenai implikatur dalam karya sastera diterokai oleh pelbagai sarjana bagi memahami dimensi makna dalam naratif. Siti Solehah dan Eva Nurmayani (2020) menghuraikan jenis dan maksud implikatur dalam novel *Dilan Dia adalah Dilanku tahun 1990* menggunakan kaedah kualitatif deskriptif yang menekankan kepentingan pengelasan implikatur

sebagai asas pemahaman teks naratif. Seterusnya, Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020) mengaplikasikan TR dalam pembelajaran KOMSAS melalui analisis eksplikatur dan implikatur terhadap novel *Di Sebalik Dinara* untuk melihat peranan konteks dalam pembinaan pemahaman pembaca terhadap nilai murni. Hidayat Nur Septiadi et al. (2021) pula memfokuskan pemetaan tindak tutur asertif, direktif dan ekspresif sebagai prasyarat memahami makna tersirat dalam cerpen.

Bagi mengukuhkan kerangka terkini, Marlyna Maros dan Khairul Faiz Alimi (2022) yang melakukan analisis pragmatik terhadap wacana sastera menunjukkan bahawa pemahaman konteks bukan sekadar luaran, tetapi melibatkan perkongsian kognitif antara penulis dengan pembaca. Selain itu, penelitian Zulkiffi et al. (2023) mengenai penggunaan strategi kesantunan dan implikatur dalam novel kontemporari membuktikan bahawa elemen tersirat merupakan instrumen utama dalam pegekalan estetika bahasa Melayu. Akhir sekali, Yus (2024) yang mengkaji pragmatik kognitif dalam naratif memberikan dimensi baharu tentang cara ad hoc konsep berfungsi untuk membantu pembaca membina gambaran mental yang tepat terhadap watak yang kompleks dalam fiksiyen moden.

Melalui tinjauan terhadap kajian lepas, terdapat beberapa jurang kritikal yang mendasari kepentingan kajian terhadap novel *The Missing Piece I* ini. Pertama, kebanyakan pengkaji terdahulu, seperti Siti Solehah dan Eva Nurmayani (2020), dan Hidayat Nur Septiadi et al. (2021), lebih cenderung terhadap analisis deskriptif yang menumpukan pengkategorian jenis implikatur dan tindak tutur semata-mata. Pendekatan ini menyebabkan proses kognitif tentang cara pembaca membina inferens dan mencapai makna tersirat yang kompleks kurang dihuraikan secara saintifik. Oleh itu, pengkaji mengisi ruang tersebut dengan tidak sekadar mengelaskan data, tetapi merincikan mekanisme pentafsiran makna melalui interaksi antara usaha pemprosesan dengan kesan kontekstual.

Kedua, walaupun teori relevans digunakan dalam kajian sastera tempatan, fokus penyelidikan lazimnya terhad pada aspek pendidikan atau perwatakan secara umum. Terdapat kekurangan yang nyata dalam penggunaan mekanisme linguistik yang lebih teknikal, seperti pembinaan konsep ad hoc melalui proses penyempitan dan peluasan makna. Sebagaimana yang ditekankan dalam kajian terkini oleh Yus (2024), makna sastera terhasil daripada "kesan kognitif" yang dinamik. Oleh itu, kajian ini membawa pembaharuan dengan mengintegrasikan operasi

ad hoc bagi menjelaskan nuansa emosi dan perkembangan plot dalam novel Fatimah Busu yang sering tidak dapat dijelaskan melalui analisis tema konvensional.

Akhir sekali, keserasian tinjauan literatur ini dengan penyelidikan yang dijalankan terletak pada peralihan paradigma daripada analisis sastera tradisional kepada analisis pragmatik-kognitif yang sistemik. Zulkifli et al. (2023) menyokong hujah bahawa strategi implisit dalam novel ialah instrumen naratif yang strategik untuk menyampaikan pemikiran yang mendalam. Kegagalan kajian lepas untuk menghubungkan prinsip relevans kognitif dengan mekanisme ad hoc dalam struktur plot novel memberikan justifikasi yang kuat bagi kajian ini untuk membuktikan bahawa kedalaman makna karya fiksiyen dapat dirungkaikan secara lebih tuntas melalui kerangka teori relevans (1995).

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah ini dipilih kerana fokus utama kajian adalah untuk merungkaikan makna tersirat dalam data linguistik yang terdapat dalam karya sastera.

### **Data Kajian dan Justifikasi Pemilihan Teks**

Data kajian ini terdiri daripada unit bahasa dalam bentuk dialog dan naratif yang mengandungi elemen implikatur. Justifikasi pemilihan novel *The Missing Piece I* karya Fatimah Busu sebagai data kajian ialah kekuatan naratifnya yang kaya dengan penggunaan bahasa kiasan, metafora dan gaya bahasa yang tidak langsung (indirectness). Sebagai sasterawan yang terkenal dengan kehalusan akal budi, teks Fatimah Busu menawarkan data pragmatik yang kompleks, sekali gus memerlukan analisis kognitif yang mendalam untuk difahami. Analisis dilakukan terhadap keseluruhan bab dalam novel ini bagi memastikan kesinambungan konteks dan ketepatan interpretasi makna tersirat.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Data dikumpulkan melalui teknik pembacaan rapi. Proses ini melibatkan penyaringan keseluruhan teks novel untuk mengenal pasti ujaran atau narasi yang mempunyai jurang antara makna harfiah dengan makna maksud penulis. Data yang dikenal pasti kemudiannya dikategorikan

mengikuti jenis implikatur sebelum dianalisis menggunakan kerangka teori.

### **Teori Relevans (1995)**

Bagi menjawab persoalan tentang cara makna diproses, pengkaji menggunakan TR edisi kedua (Sperber & Wilson, 1995). Dalam konteks pragmatik, implikatur didefinisikan sebagai andaian yang dibina oleh pendengar atau pembaca melalui proses inferens yang tidak dinyatakan secara eksplisit dalam eksplikatur (Grice, 1975; Sperber & Wilson, 1995). Dengan berdasarkan TR, proses mental pembaca ketika mentafsirkan implikatur dikawal oleh tiga tunjang utama, iaitu:

1. Konteks: Set andaian mental yang dibina oleh pembaca yang merangkumi latar situasi, pengetahuan sedia ada dan maklumat budaya yang relevan untuk mentafsirkan sesuatu ujaran.
2. Kesan Kognitif: (Menggantikan istilah “kesan konteks” dalam edisi 1986). Hal ini merujuk hasil interaksi antara maklumat baharu dengan konteks sedia ada yang menghasilkan perubahan dalam pemikiran pembaca, sama ada mengukuhkan, membetulkan atau menggugurkan andaian lama.
3. Usaha Pemprosesan: Hal ini merujuk proses berfikir atau usaha mental yang dilakukan oleh pembaca ketika mentafsirkan ujaran. Makin besar kesan kognitif yang diperoleh dengan usaha pemprosesan yang minimum, makin relevan ujaran tersebut.

### **Prosedur Analisis Data**

Analisis data dilakukan dengan meneliti cara pembaca memproses ujaran yang mengandungi implikatur berdasarkan proses mental TR. Langkahnya adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti unit data yang mengandungi implikatur (dialog atau naratif).
2. Menghuraikan konteks yang terlibat dalam ujaran tersebut.
3. Menganalisis proses inferens pembaca melalui operasi ad hoc (penyempitan atau peluasan konsep) untuk mencapai kesan kognitif yang optimum.
4. Menjelaskan cara implikatur tersebut berfungsi sebagai alat naratif dalam menggerakkan plot atau watak.

Kategori implikatur dalam dialog dan implikatur bermetafora yang digunakan dalam kajian ini dirujuk berdasarkan klasifikasi implikatur perbualan Grice (1975) dan teori relevans (Sperber & Wilson, 1995). Melalui gagasan teori relevans, metafora dianalisis sebagai fenomena kognitif yang melibatkan operasi ad hoc bagi meluaskan konsep makna asal yang selari dengan tujuan naratif novel tersebut.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Data kajian ini diklasifikasikan secara sistematik kepada dua kategori utama, iaitu implikatur dalam dialog dan implikatur bermetafora. Implikatur dalam dialog merujuk makna tersirat yang timbul dalam interaksi pertuturan antara watak melalui inferens pragmatik yang selari dengan konsep implikatur perbualan oleh Grice (1975). Implikatur bermetafora pula merujuk makna implisit yang terhasil daripada penggunaan ungkapan bukan literal apabila pembaca perlu melakukan proses mental melalui operasi ad hoc (penyempitan atau peluasan konsep) yang selaras dengan prinsip relevans (Sperber & Wilson, 1995).

Pendekatan ini turut disokong oleh Pilkington (2000) yang menegaskan bahawa metafora dalam teks sastera berfungsi sebagai sebahagian daripada komunikasi implisit yang menghasilkan kesan kognitif yang mendalam. Selain itu, selari dengan penelitian Hidayat Nur Septiadi et al. (2021), tindak tutur tertentu, seperti ekspresif, turut berperanan untuk menyatakan keadaan psikologi penutur secara tersirat melalui mekanisme implikatur. Oleh itu, pembinaan dua kategori ini bukanlah suatu klasifikasi arbitrari oleh pengkaji, sebaliknya integrasi teori pragmatik klasik dan kognitif moden bagi menjelaskan mekanisme kognitif-pragmatik yang menggerakkan pembinaan makna dalam teks naratif.

### **Implikatur dalam Dialog**

Analisis terhadap implikatur dialog dalam novel ini mendedahkan strategi komunikasi watak yang bersifat bukan literal bagi menyampaikan maksud tertentu. Dengan berdasarkan prinsip teori relevans, setiap ujaran yang dipilih menggambarkan proses kognitif pendengar yang berusaha menterjemahkan maklumat bersandarkan konteks yang tersedia. Antara data dialog yang memaparkan kekuatan implikatur tersebut ditunjukkan dalam Data 1 hingga Data 10.

## Data 1

*“Aku tahu!!!” jerit Kak Rohani menunjuk ke arah mukaku, “kamu sudah mari cemar!!!”*

Orang Kelantan tidak panggil haid atau datang kotor. Kami panggil ‘mari cemar’. Sebab orang Kelantan tidak menggunakan perkataan kotor, selalu kata cemar pada sesuatu yang kotor, seperti tempat cemar, tangan cemar, kaki cemar.

Dengan berdasarkan Data 1, ujaran Kak Rohani “kamu sudah mari cemar” dianalisis melalui kerangka TR bagi mencerakinkan mekanisme kognitif yang terlibat dalam pemprosesan maknanya. Langkah pertama dalam proses ini melibatkan pentafsiran eksplikatur, iaitu makna literal ujaran yang secara tersurat merujuk “datang kotor” secara fizikal. Walau bagaimanapun, berdasarkan prinsip relevans (Sperber & Wilson, 1995), makna literal ini tidak mempunyai kerelevanan yang memadai dalam konteks naratif yang tegang. Tindakan Kak Rohani yang “menjerit” dan “menunjuk muka” berfungsi sebagai petunjuk kontekstual yang memberikan isyarat kepada pembaca bahawa terdapat makna implisit yang lebih mendalam yang melampaui huraian fizikal. Ketidakserasian antara makna harfiah dengan situasi konflik ini memaksa pembaca untuk melaburkan usaha pemprosesan yang lebih tinggi bagi mencapai kesan kognitif yang optimum.

Bagi merapatkan jurang antara makna literal dengan makna tersirat, otak pembaca mengaktifkan proses ad hoc, iaitu mekanisme mental yang membina konsep makna secara spontan berdasarkan keperluan konteks perbualan. Dalam hal ini, berlaku proses penyempitan leksikal terhadap konsep asal CEMAR. Dalam ensiklopedia mental pembaca, konsep “cemar” merujuk kekotoran luaran secara umum. Namun begitu, melalui proses ad hoc, konsep tersebut disaring dan disempitkan kepada konsep spesifik CEMAR\* yang merujuk darah haid dan status tabu wanita secara khusus. Proses mental ini selari dengan pandangan Wilson dan Carston (2007) yang menyatakan bahawa makna tidak bersifat statik, sebaliknya diperkaya secara dinamik melalui interaksi antara input linguistik dengan sekitaran kognitif pembaca.

Penjelasan ini secara langsung merungkaikan cara frasa biologikal tersebut berubah menjadi senjata psikologi. Walaupun dari segi budaya, istilah “cemar” mungkin digunakan untuk menjaga kesantunan (Hidayat Nur Septiadi et al., 2021), dalam situasi konflik ini, Kak

Rohani memanipulasikan istilah tersebut untuk menghasilkan kesan kontekstual yang negatif. Pilihan kata “cemar” oleh pengarang menonjolkan isu persepsi gender dalam masyarakat tradisional apabila proses biologi perempuan sering dikaitkan dengan peraturan sosial dan agama yang melihatnya sebagai keadaan “tidak suci” (Amalia Nur Ramadhani et al., 2020). Melalui lensa TR, Kak Rohani menggunakan kiasan ini bukan untuk beradab, tetapi untuk mempermalukan dan memberikan tekanan sosial kepada Imrah dengan mengeksploitasikan status biologinya.

Sebagai kesimpulan, proses mental untuk memahami ujaran ini melibatkan integrasi maklumat sosiobudaya dalam sistem kognitif pembaca melalui prinsip relevans. Analisis kritis ini membuktikan bahawa “mari cemar” dalam naratif Fatimah Busu melalui novel ini berfungsi sebagai alat naratif yang kuat untuk menonjolkan ketegangan emosi dan kuasa dominasi. Penggunaan proses ad hoc menjelaskan cara pembaca mencerakinkan makna tersirat daripada keseluruhan perenggan dengan menonjolkan kehalusan budaya masyarakat Melayu di Kelantan dalam penyampaian mesej psikologi yang kompleks dan mendalam.

## Data 2

Bila mereka tahu aku seorang sahaja yang ada di darjah enam bersama 35 orang murid lelaki, mereka menyindir aku.

“Mudahlah sikit. Kecil-kecil sudah berlatih jadi *kereta sewa*.”

Dengan berdasarkan Data 2, ujaran “kereta sewa” dianalisis menggunakan gagasan utama (TR untuk membuktikan bahawa frasa ini tidak mendukung makna literal. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) kereta sewa ialah kereta untuk membawa penumpang yang membayar tambang. Secara eksplikatur, “kereta sewa” merujuk kenderaan komersial yang dapat digunakan oleh sesiapa sahaja dengan bayaran tertentu. Walau bagaimanapun, mengikut prinsip relevans (Sperber & Wilson, 1995), makna literal ini ditolak oleh pembaca kerana tidak mempunyai kerelevanan dalam konteks seorang murid perempuan darjah enam. Ketidakterasian ini mewujudkan usaha pemprosesan yang tinggi bagi mencari implikatur yang selari dengan konteks sosial sekolah yang didominasi oleh pelajar lelaki. Dalam konteks ini, ujaran tersebut berfungsi sebagai sindiran, iaitu suatu bentuk penggunaan gema (echoic use) yang bertujuan untuk menyampaikan sikap mengejek atau menghina

sasaran (Sperber & Wilson, 1995). Menurut Gorys Keraf (2010), sindiran merupakan gaya bahasa yang bertujuan untuk menyindir atau mengejek seseorang dengan menggunakan kata yang maknanya menyimpang daripada maksud sebenar bagi memberikan kesan penekanan.

Bagi mencerakinkan proses mental pembaca, TR menerapkan gagasan proses ad hoc melalui mekanisme peluasan leksikal (*lexical broadening*). Pada tahap ini, konsep asal KERETA SEWA yang tersimpan dalam ensiklopedia mental pembaca (sebagai alat pengangkutan) diproses semula secara metafora menjadi konsep KERETA SEWA\*. Melalui proses ini, ciri utama “kereta sewa”, iaitu objek yang dapat digunakan atau dinaiki oleh banyak orang secara bergilir-gilir, telah ditarik keluar dan dipindahkan kepada watak manusia. Hubungan antara ayat “digunakan oleh ramai lelaki” dengan frasa “kereta sewa” mengukuhkan maksud tersirat bahawa watak Imrah sedang diseksualisasikan atau dilabel sebagai individu yang tidak mempunyai maruah diri dan boleh “digunakan” secara seksual oleh rakan sebayanya.

Kesan kognitif daripada ujaran ini menonjolkan isu persepsi gender dan stereotaip seksual dalam masyarakat tradisional. Sindiran ini bukan sekadar serangan peribadi, tetapi manifestasi kuasa sosial lelaki yang meletakkan wanita sebagai objek komoditi. Hal ini selari dengan pandangan Mohd Anuar Ramli (2012) mengenai ketidakadilan gender dalam struktur masyarakat. Seksualisasi terhadap kanak-kanak perempuan (*pedofilia*) dalam ujaran “kecil-kecil sudah berlatih” menunjukkan bahawa proses mental pembaca tidak hanya memahami makna “pelacur”, tetapi juga merasai tekanan emosi dan ketidakadilan yang dihadapi oleh Imrah. Pemilihan metafora “kereta sewa” oleh pengarang membolehkan pembaca mencapai korelevanan optimum dengan kos usaha mental yang rendah kerana kaitan antara “kenderaan awam” dengan “wanita murahan” sudah tersedia dalam sekitaran kognitif masyarakat.

Sebagai kesimpulan, analisis kritis ini membuktikan bahawa penggunaan konsep ad hoc dalam kerangka TR berjaya menjelaskan cara sebuah istilah teknikal pengangkutan ditransformasikan menjadi penghinaan gender yang serius. Analisis ini tidak menghasilkan generalisasi terhadap seluruh masyarakat, sebaliknya membuktikan cara ujaran kiasan dalam teks naratif mampu mencerminkan krisis moral dan stereotaip tegar yang wujud dalam sekitaran sosial watak. Hal ini membuktikan bahawa proses mental pembaca adalah dinamik dengan menukar input linguistik kepada tafsiran sosial yang kompleks melalui imbalan antara usaha dengan kesan kognitif.

### Data 3

|          |   |
|----------|---|
| Charlie: | <i>“Awak boleh duduk dulu di hotel, sehari dua kalau nanti kita belum dapat bilik sewa.”</i>  |
| Imrah:   | <i>“Betul. Tapi saya tidak mahu orang tengok saya naik turun hotel. Awak tentu faham dengan <u>tabiat orang-orang kita</u>, bukan?”</i> |
| Charlie: | <i>“Ya, betul.”</i>   |

Dengan berdasarkan Data 3, ujaran Imrah dianalisis menggunakan gagasan TR bagi mencerakinkan cara proses mental pembaca mentafsirkan kebimbangan terhadap maruah. Secara eksplikatur, frasa “naik turun hotel” merujuk perbuatan fizikal memasuki dan keluar dari bangunan hotel. Walau bagaimanapun, mengikut prinsip relevans (Sperber & Wilson, 1995), pembaca menolak makna literal ini kerana tidak mempunyai kerelevanan yang mencukupi untuk menjelaskan keengganan Imrah. Konteks naratif menunjukkan bahawa Imrah sedang mencari tempat tinggal sementara di bandar bersama-sama Charlie (seorang rakan lelaki). Kehadiran Charlie sebagai peneman dan cadangan untuk tinggal di hotel merupakan input yang mencetuskan usaha pemprosesan yang tinggi bagi Imrah untuk menjaga imejnya.

Bagi menjelaskan proses mental pembaca untuk memahami sensitiviti budaya ini, TR menerapkan gagasan proses ad hoc melalui mekanisme peluasan leksikal. Konsep asal NAIK TURUN HOTEL diperluas secara metafora menjadi konsep NAIK TURUN HOTEL\*. Dalam sekitaran kognitif masyarakat Melayu tradisional, hotel sering dikaitkan secara implisit dengan ruang peribadi yang dapat menimbulkan fitnah (khalwat) atau aktiviti tidak bermoral. Melalui operasi ad hoc, perbuatan fizikal “naik turun” diperluas maknanya merangkumi implikasi “perlakuan sumbang”. Kepekaan Imrah dicerminkan secara indeksikal melalui frasa “tabiat orang-orang kita” yang merujuk masyarakat setempat secara khusus yang cenderung untuk melakukan pengawasan moral dan menyebarkan fitnah terhadap wanita yang tidak menjaga pergaulan.

Analisis ini juga memperlihatkan cara bahasa halus digunakan untuk menyampaikan mesej yang berat. Frasa “orang-orang kita” merupakan bentuk bahasa halus (eufemisme) yang digunakan oleh Imrah untuk merujuk masyarakat yang bersifat menghukum tanpa perlu menyebut kata “fitnah” atau “buruk sangka” secara langsung. Kesan kognitif yang terhasil mengukuhkan tema sosialisasi gender apabila wanita dibebani

tanggungjawab untuk menjaga maruah yang lebih berat berbanding dengan lelaki. Hal ini selari dengan pandangan Amalia Nur Ramadhani et al. (2020) bahawa nilai budaya menetapkan tingkah laku yang sepatutnya bagi perempuan untuk mengelakkan stigma sosial. Imrah menyedari bahawa statusnya sebagai wanita yang tinggal di hotel (ruang awam yang dianggap intim) dapat mengubah andaian masyarakat terhadap kesucian moralnya.

Sebagai kesimpulan, proses mental pembaca dalam pentafsiran maksud tersirat ini digerakkan oleh proses ad hoc yang menghubungkan ujaran Imrah dengan norma sosiobudaya masyarakat Melayu. Keberhasilan komunikasi antara Imrah dengan Charlie, serta penulis dan pembaca bergantung pada kerelevanan optimum yang dicapai apabila pembaca memahami bahawa “naik turun hotel” ialah kod budaya bagi “risiko fitnah”. Analisis kritis ini membuktikan bahawa bahasa kiasan dan eufemisme dalam teks naratif bukan sekadar hiasan, tetapi manifestasi peka budaya watak bagi mendepani kawalan moral masyarakat.

#### Data 4

- |          |   |
|----------|---|
| Imrah:   | <i>“Saya makan roti dengan kaya saja. Kenyang juga. Pagi ini pun makan roti saja.”</i>          |
| Charlie: | <i>“Janganlah hendak jaga badan sangat, cikgu oiii! Nanti jatuh sakit.”</i>                     |
| Imrah:   | <i>“Bukan hendak jaga badan. <u>Hidup ini bukan untuk makan, tetapi makan untuk hidup!</u>”</i> |

Dengan berdasarkan Data 4, ujaran Imrah dianalisis menggunakan kerangka TR bagi membuktikan bahawa ungkapan tersebut mengandungi implikatur. Menurut Sperber dan Wilson (1995), implikatur ialah makna tersirat yang ingin disampaikan oleh penutur yang melampaui apa-apa yang diucapkan secara literal (eksplikatur). Secara literal, Imrah menyatakan fungsi biologikal makanan. Walau bagaimanapun, dalam konteks perbualan dengan Charlie, makna literal ini tidak mempunyai kerelevanan yang memadai untuk menjawab usikan Charlie tentang “jaga badan”. Kegagalan makna literal ini memaksa pembaca untuk mencari makna tersirat yang lebih relevan dengan prinsip watak Imrah yang rasional dan berdikari.

Bagi mencerakinkan proses mental pembaca, TR menerapkan proses ad hoc melalui mekanisme penyempitan leksikal. Konsep asal MAKAN yang tersimpan dalam ensiklopedia mental pembaca bersifat umum, iaitu aktiviti memuaskan nafsu atau keperluan fizikal. Namun begitu, melalui proses ad hoc, pembaca menyempitkan konsep tersebut kepada konsep MAKAN\*, iaitu aktiviti pemakanan yang bermatlamat dan terbatas pada keperluan asasi demi kelangsungan hidup yang lebih besar. Proses penyempitan makna ini berlaku kerana pembaca ingin mencapai kerelevanan optimum dengan menghubungkan jawapan Imrah kepada situasinya sebagai pendidik (cikgu) yang sedang berjuang untuk membina kerjaya di tempat baharu.

Selain itu, ujaran ini berfungsi untuk meredakan ketegangan sosial yang timbul daripada usikan Charlie. Dengan membalas menggunakan falsafah “makan untuk hidup”, Imrah secara halus menolak andaian Charlie bahawa beliau obses dengan kecantikan fizikal. Penolakan ini dilakukan melalui bahasa kiasan yang berprinsip, sekali gus mengubah arah perbualan daripada isu peribadi kepada isu nilai hidup. Hal ini selari dengan pandangan Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020) yang menyatakan bahawa bahasa tidak berhenti pada makna semata-mata, sebaliknya berlanjut kepada maksud yang memberikan kesan kontekstual.

Sebagai kesimpulan, proses mental pembaca dalam pentafsiran maksud tersirat ini membuktikan bahawa pemilihan kata oleh Imrah bukan sekadar pilihan pemaknaan harian, tetapi manifestasi jati diri watak. Penggunaan TR yang dibantu oleh operasi ad hoc dengan jelasnya menjelaskan cara ungkapan yang kelihatan mudah sebenarnya menyalurkan nilai ketabahan dan kesederhanaan. Analisis kritis ini menjawab keperluan untuk membuktikan hubungan antara input linguistik dengan sekitaran kognitif pembaca bagi memahami pembinaan watak wanita yang bermatlamat dalam naratif Fatimah Busu melalui novel *The Missing Peace 1*.

## Data 5

- |          |   |
|----------|---|
| Imrah:   | <i>“Saya rasa gugup saja hendak masuk ke sekolah.”</i>  |
| Charlie: | <i>“Apa pula gugupnya. Awak kan sudah pernah jadi guru dulu?”</i>   |
| Imrah:   | <i>“Tidak tahu nanti bagaimana penerimaan orang terhadap saya.”</i>   |
| Charlie: | <i>“Saya harap cikgu bujang yang seorang di sekolah itu tidak terima awak. Biar senang saya saja yang terima awak, tidak payah berebut dengan dia.”</i> |

Imrah: *“Tidak ada siapa yang hendak berebut dengan awak pun. Ayam tua, siapa yang pelahap lagi!”*  
Charlie: *“Jangan mengarutlah. Awak bukan tua, saya rasa awak lebih muda dari saya.”*

Dengan berdasarkan Data 5, ujaran Imrah dianalisis menggunakan kerangka TR bagi membuktikan bahawa frasa “Ayam tua, siapa yang pelahap lagi!” mendukung makna tersirat, bukannya makna tersurat. Secara eksplikat, frasa ini merujuk ayam yang sudah berumur dan tidak lagi mempunyai selera atau tidak lagi menyelerakan untuk dimakan. Walau bagaimanapun, mengikut prinsip kerelevanan (Sperber & Wilson, 1995), makna literal ini ditolak oleh pembaca kerana subjek yang dibincangkan bukanlah haiwan ternakan, sebaliknya merujuk diri Imrah sendiri. Ketidakterkaitan ini mewujudkan usaha pemprosesan yang tinggi untuk mencerakinkan hubungan kata antara “ayam tua” (subjek) dengan “pelahap” (kata sifat) bagi mendapatkan implikatur yang relevan dalam konteks usikan romantik Charlie.

Bagi menjelaskan proses mental pembaca secara teknikal, TR menerapkan proses ad hoc melalui mekanisme peluasan leksikal. Pada tahap ini, konsep asal AYAM TUA yang tersimpan dalam ensiklopedia mental pembaca diperluas secara metafora menjadi konsep AYAM TUA\*. Melalui proses ini, sifat ayam tua, iaitu daging yang liat, tidak menarik dan rendah nilai pasaran, ditarik keluar dan dipindahkan kepada status diri Imrah sebagai wanita yang berasa bahawa dirinya sudah melewati usia muda. Hubungan melalui kata “pelahap” (individu yang sangat mahu memakan sesuatu) dengan “ayam tua” mengukuhkan maksud tersirat bahawa Imrah menganggap dirinya tidak lagi mempunyai daya tarikan fizikal yang mampu mencetuskan persaingan atau “perebutan” dalam kalangan lelaki.

Selain itu, menurut Sperber dan Wilson (1995), ujaran ini suatu bentuk penggunaan gema (echoic use) yang bersifat ironi. Imrah menggunakan ironi ini untuk menenangkan keadaan dan meredakan rasa cemburu Charlie terhadap “cikgu bujang” di sekolah tersebut. Dengan melabel dirinya sebagai “ayam tua”, Imrah secara halus meyakinkan Charlie bahawa tidak akan ada ancaman daripada pihak ketiga terhadap hubungan mereka kerana menganggap dirinya sudah tidak “menarik” pada pandangan orang lain. Kesan kognitif ini mengubah andaian pembaca tentang dinamika romantik antara watak, iaitu gurauan kasar digunakan sebagai mekanisme pertahanan diri untuk menutup rasa rendah diri Imrah terhadap usianya.

Sebagai kesimpulan, proses mental pembaca dalam pentafsiran maksud tersirat ini membuktikan bahawa pemilihan metafora “ayam tua” sangat strategik bagi menyampaikan emosi watak. Penggunaan TR yang dibantu oleh proses ad hoc menjelaskan cara hubungan kata dengan kata dalam ayat tersebut untuk membina lapisan makna yang kompleks tentang cinta dan penerimaan diri. Analisis kritis ini menjawab keperluan untuk melihat cara bahasa kiasan yang berfungsi bukan sekadar sebagai gurauan, tetapi sebagai manifestasi psikologi watak bagi mendepani hubungan interpersonal.

### **Implikatur Bermetafora**

Selain penemuan ungkapan berimplikatur dalam ujaran dialog (Data 1 hingga Data 5), pengkaji ini turut menemukan pasti penggunaan implikatur yang bersifat metafora sebagaimana yang terpapar dalam Data 6 hingga Data 10.

### **Data 6**

*Dunia cinta memang sebuah dunia syurga. Akan tetapi kalau tersilap langkah ia menjadi sebuah dunia neraka.*

Dengan berdasarkan Data 6, ujaran tersebut dianalisis menggunakan kerangka TR bagi membuktikan penggunaan metafora yang tidak mendukung makna literal. Secara eksplikatur, “syurga” dan “neraka” merujuk tempat pembalasan akhirat dalam teologi agama. Walau bagaimanapun, berdasarkan prinsip kerelevanan (Sperber & Wilson, 1995), pembaca menolak makna literal tersebut kerana “dunia cinta” merupakan entiti emosi manusia yang tidak bersifat fizikal atau metafizik. Ketidakserasian ini memaksa pembaca untuk mencerakinkan hubungan antara “cinta” dengan “syurga” dan “neraka” bagi mendapatkan implikatur yang relevan dengan dilema perhubungan yang sedang dihadapi oleh watak.

Bagi menjelaskan proses mental pembaca secara teknikal, TR menerapkan proses ad hoc melalui mekanisme peluasan leksikal. Konsep asal SYURGA dan NERAKA yang tersimpan dalam ensiklopedia mental pembaca diperluas secara metafora menjadi konsep SYURGA\* dan NERAKA\*. Melalui proses ini, ciri utama syurga (kenikmatan dan ketenangan) dan neraka (kesengsaraan dan kesakitan) ditarik keluar

dan dipindahkan kepada kualiti emosi dalam sesebuah perhubungan. Hubungan kata antara “tersilap langkah” dengan “neraka” mengukuhkan maksud tersirat bahawa keputusan yang salah dalam pengurusan emosi atau pemilihan pasangan menyebabkan penderitaan yang melampau dalam realiti kehidupan watak Imrah.

Kesan kognitif daripada pemprosesan metafora ini memberikan gambaran mendalam terhadap latar cerita dan pengalaman watak. Dalam konteks naratif Fatimah Busu, Imrah sering berhadapan dengan tekanan sosial dan manipulasi lelaki. Oleh itu, metafora “neraka” berfungsi sebagai amaran kognitif tentang risiko kehilangan harga diri atau maruah jika tersilap membuat pertimbangan dalam hubungan yang dijalin.

Proses interpretasi ini berlaku dengan usaha pemprosesan yang optimum kerana skema konseptual syurga-neraka sebagai lambang dualisme (kebahagiaan-penderitaan) sudah berakar umbi dalam sekitaran kognitif masyarakat. Hal ini selari dengan pandangan Aliffiah Novi Ramadhini et al. (2024) bahawa keputusan dalam hubungan mempunyai akibat yang mendalam terhadap psikologi seseorang apabila kegagalan dalam percintaan sering dikaitkan dengan penderitaan yang menyakitkan.

Sebagai kesimpulan, penggunaan TR yang dibantu oleh proses ad hoc berjaya membuktikan cara konsep teologi yang abstrak ditransformasikan menjadi alat pencerakin emosi manusia. Analisis ini menunjukkan bahawa metafora dalam teks naratif berfungsi sebagai jambatan kognitif yang membolehkan pembaca memahami intensiti kebahagiaan dan kesengsaraan watak tanpa memerlukan huraian yang panjang.

## Data 7

*Kalau penawar sudah bertukar menjadi racun, walaupun kemudiannya bisanya sudah tawar, namun ia tidak mungkin akan menjadi penawar kembali.*

Dengan berdasarkan Data 7, ujaran tersebut dianalisis menggunakan gagasan TR bagi membuktikan bahawa frasa “penawar bertukar menjadi racun” mendukung makna implisit. Secara eksplikatur, penawar merujuk bahan ubat, manakala racun merujuk bahan toksik (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Walau bagaimanapun, berdasarkan prinsip kerelevanan (Sperber & Wilson, 1995), makna literal ini ditolak kerana konteks naratif membincangkan hubungan antara manusia dengan kepercayaan, bukannya perubatan klinikal. Ketidakterkaitan ini mewujudkan usaha pemprosesan yang tinggi apabila pembaca perlu menceraikan hubungan

kata antara “penawar”, “racun”, dan “bisa” bagi mendapatkan implikatur yang konsisten dengan tema pengkhianatan.

Secara linguistik, data ini dikenal pasti sebagai metafora kerana menyebabkan perbandingan langsung antara dua domain yang berbeza tanpa menggunakan kata perbandingan (seperti, bak, umpama). Menurut Fransisca Dwi Harjanti et al. (2022), metafora mengandungi unsur kiasan melalui perbandingan antara unsur yang dibandingkan (hubungan manusia) dengan unsur perbandingan (bahan kimia/biologi). Bagi menjelaskan proses mental ini, TR menerapkan proses ad hoc melalui mekanisme peluasan leksikal. Konsep asal PENAWAR (sesuatu yang menyembuhkan) diperluas sebagai konsep PENAWAR\* (kepercayaan/cinta yang membahagiakan), manakala RACUN diperluas menjadi konsep RACUN\* (pengkhianatan yang memusnahkan). Proses ini membolehkan pembaca memahami bahawa “bisanya sudah tawar” merujuk rasa sakit hati yang mula reda, namun kerosakan kepercayaan tersebut bersifat kekal.

Kesan kognitif yang terhasil daripada metafora ini sangat kuat kerana menyentuh sekitaran kognitif pembaca mengenai konsep ketakterbalikan. Pembaca menggunakan pengetahuan sedia ada bahawa racun yang merosakkan sel tubuh tidak membolehkan organ tersebut kembali kepada keadaan asal sepenuhnya. Sama juga dalam hubungan watak, iaitu pengkhianatan meninggalkan kesan trauma yang mendalam (Okta Istiawati & Ulfa Amalia, 2024). Penggunaan metafora ini membolehkan pembaca mencapai kerelevanan optimum dengan menghubungkan pengalaman peribadi atau norma sosial tentang nilai kesetiaan dengan situasi watak dalam novel, sekali gus menjelaskan sebab hubungan tersebut tidak mungkin dipulihkan.

Sebagai kesimpulan, penggunaan TR yang dibantu oleh operasi ad hoc berjaya mencerakinkan kerumitan emosi watak melalui bahasa kiasan. Analisis ini membuktikan bahawa metafora “penawar” dan “racun” bukan sekadar hiasan sastera, tetapi representasi kognitif tentang kerapuhan hubungan manusia. Dengan mendedahkan proses mental di balik interpretasi ujaran ini, jelaslah bahawa “bisanya” yang tawar bukan bermaksud pemulihan total, sebaliknya suatu fasa penerimaan terhadap kehilangan yang tidak dapat diganti semula.

## Data 8

*Ketika darah menitik di dalam hati yang dikhianati, kaki seperti berdiri di atas hujung pisau belati. Tubuh seperti tersalai, terpenggang di atas unggun api.*

Dengan berdasarkan Data 8, ujaran tersebut dianalisis menggunakan kerangka TR bagi membuktikan penggunaan metafora melampau yang tidak mendukung makna literal. Secara eksplikatur, frasa “darah menitik di dalam hati” dan “berdiri di atas pisau belati” adalah mustahil secara biologi dan fizikal kerana akan mengakibatkan kematian serta-merta. Walau bagaimanapun, berdasarkan prinsip kerelevanan (Sperber & Wilson, 1995), pembaca dapat menolak makna literal ini kerana konteks naratif yang sebenar ialah pengkhianatan emosi, bukannya kecederaan fizikal. Ketidakerasian ini memberikan isyarat kepada pembaca untuk melakukan proses ad hoc bagi mengaitkan hubungan antara trauma batin dengan kesakitan sensori yang melampau.

Secara linguistik, data ini dikenal pasti sebagai metafora dan simili (penggunaan kata seperti) yang berfungsi sebagai alat pemetaan silang domain. Bagi menjelaskan proses mental pembaca, TR menerapkan mekanisme peluasan leksikal. Konsep asal PISAU BELATI dan UNGGUN API diperluas menjadi konsep PISAU BELATI\* dan UNGGUN API\*. Melalui proses ini, sifat fizikal pisau (tajam, berbahaya, menyebabkan ketidakstabilan) dan api (panas, memusnahkan, menyakitkan) ditarik keluar dan dipindahkan kepada domain emosi. Hubungan kata antara “kaki berdiri di atas hujung pisau” dengan “hati yang dikhianati” membuktikan maksud tersirat tentang kerentanan dan ketidakupayaan watak untuk berdiri teguh setelah kepercayaan dimusnahkan.

Tafsiran ini didasari oleh petunjuk kontekstual yang disediakan oleh penulis melalui penggunaan kata “dikhianati”. Kata kunci ini bertindak sebagai pemangkin yang mengarahkan pembaca untuk mengakses ensiklopedia mental mengenai trauma. Menurut Okta Istiawati dan Ulfa Amalia (2024), trauma pengkhianatan meninggalkan kesan fisiologi apabila tubuh menyimpan ingatan kesakitan. Oleh itu, apabila pembaca memproses imej “tubuh tersalai”, otak tidak membayangkan proses memasak, sebaliknya mencapai kerelevanan optimum dengan menghubungkan imej tersebut dengan rasa “terbakar” atau penderitaan mental yang berterusan akibat dikhianati. Usaha pemrosesan menjadi minimum kerana kesakitan fizikal ialah pengalaman universal yang memudahkan pembaca untuk memahami intensiti kesakitan batin watak.

Sebagai kesimpulan, penggunaan TR melalui proses ad hoc berjaya menghubungkan cara penulis menggunakan gambaran fizikal yang melampau untuk menggambarkan dimensi penderitaan yang abstrak. Analisis kritis ini membuktikan bahawa metafora tersebut bukan sekadar hiasan naratif, tetapi keperluan kognitif untuk mendekatkan pembaca

dengan realiti emosi watak. Proses mental ini membolehkan penderitaan batin yang sukar diungkapkan secara literal difahami secara mendalam melalui perkongsian skema kesakitan universal manusia.

### Data 9

*Seorang Imrah yang tahan lasak. Seorang Imrah yang panas-baran. Seorang Imrah yang sangat emosional. Keras kepala. Keras hati. Keras pedal. Yang kata orang kalau dibakar tak hangus. Kalau digantung tak mati. Kalau diselam tak lemas. Kalau dikambus tak jejas.*

Dengan berdasarkan Data 9, rentetan ungkapan hiperbolik tersebut dianalisis menggunakan kerangka TR bagi membuktikan kewujudan makna implisit. Secara eksplikatur, frasa “dibakar tak hangus” atau “digantung tak mati” merujuk kebal fizikal yang bersifat supranatural. Walau bagaimanapun, mengikut prinsip kerelevanan (Sperber & Wilson, 1995), pembaca dapat menolak makna literal ini kerana Imrah hanyalah manusia biasa (seorang guru) dalam sebuah naratif realisme, bukannya watak dalam cerita mitos. Ketidakterasian ini memberikan isyarat kepada pembaca untuk mencerakinkan maksud tersirat yang selari dengan keperibadian Imrah sebagai wanita yang kental dari segi mendepani penindasan.

Secara linguistik, data ini dikenal pasti sebagai metafora dan hiperbola yang disusun secara selari untuk memberikan penekanan. Bagi menjelaskan proses mental pembaca, TR menerapkan proses ad hoc melalui mekanisme peluasan leksikal. Konsep asal KEBAL (tidak lut senjata/unsur alam) diperluas menjadi konsep KEBAL\* (ketegaran mental). Melalui proses ini, ciri objek yang keras (kepala, hati, pedal) dan ketahanan terhadap unsur ekstrem (api, air, tanah) ditarik keluar dan dipadankan dengan domain psikologi. Hubungan kata antara “dibakar tak hangus” dengan sifat “panas-baran” Imrah membuktikan bahawa walaupun dirinya diasak oleh pelbagai “api” ujian sosial, prinsip dan semangatnya tidak hancur atau luput.

Tafsiran ini didasari oleh sekitaran kognitif pembaca yang akrab dengan peribahasa atau simpulan bahasa Melayu yang menggunakan kiasan fizikal untuk menggambarkan sifat degil atau teguh. Pembaca mencapai kerelevanan optimum apabila menghubungkan deretan “kekerasan” ini dengan latar belakang Imrah yang terpaksa menjadi “lasak” untuk

bertahan di tempat baharu yang penuh pasangka. Menurut Nursham Abdul Aziz (2015), pilihan diksi yang tepat, seperti “keras pedal”, bukan sahaja menjelaskan jurang makna tentang kedegilan Imrah, tetapi juga membina model mental pembaca tentang wanita yang mempunyai daya tahan luar biasa terhadap manipulasi gender.

Sebagai kesimpulan, penggunaan TR melalui proses ad hoc berjaya menghubungkan ungkapan yang kelihatan mustahil secara literal ini sebenarnya membawa mesej pragmatik yang sangat praktikal. Analisis kritis ini membuktikan bahawa hiperbola “tak lemas” dan “tak hangus” ialah representasi kognitif bagi keberanian watak yang tidak mampu dipatahkan oleh sistem sosial tradisional. Penjelasan ini menjawab keperluan untuk melihat cara mekanisme kognitif-pragmatik TR berfungsi dalam penterjemahan kiasan tradisional terhadap pemahaman tentang kekuatan identiti watak wanita.

### Data 10

*Ada kepercayaan tradisi orang Melayu, sekiranya seseorang itu mengalami tujuh kali perpindahan di dalam hidupnya, dia akan jadi papa-kedana. Batu yang bergolek tidak dilekati lumut. Betulkah?*

Dengan berdasarkan Data 10, peribahasa “batu yang bergolek tidak dilekati lumut” dianalisis menggunakan kerangka TR bagi membuktikan kewujudan makna implisit yang melampaui fakta alamiah. Secara eksplikatur, ujaran ini merujuk fenomena biologi, iaitu lumut hanya tumbuh pada permukaan batu yang statik atau tidak bergerak. Walau bagaimanapun, berdasarkan prinsip kerelevanan (Sperber & Wilson, 1995), pembaca menolak makna literal ini kerana perbincangan konteks naratif ialah perpindahan tempat kerja Imrah dan risiko menjadi “papa-kedana”, bukannya tentang ekosistem hutan. Ketidakterkaitan ini memaksa pembaca untuk mencerakinkan hubungan antara “perpindahan” dengan “kegagalan hidup” bagi mendapatkan implikatur yang relevan.

Secara linguistik, data ini dikenal pasti sebagai metafora kerana membandingkan tingkah laku manusia dengan sifat objek alam (batu) secara tidak langsung. Bagi menjelaskan proses mental pembaca, TR menerapkan proses ad hoc melalui mekanisme peluasan leksikal. Konsep asal BATU menerima peluasan secara metafora yang menjadi konsep BATU\* (merujuk manusia), manakala konsep LUMUT diperluas menjadi

konsep LUMUT\*(merujuk kemakmuran, harta atau kestabilan). Melalui operasi ini, sifat “bergolek” dipetakan kepada perbuatan “kerap berpindah” dalam hidup. Hubungan kata antara “tidak dilekati lumut” dengan “papa kedana” membuktikan maksud tersirat, iaitu ketidaktetapan pendirian atau lokasi hidup menghalang seseorang daripada mengumpulkan kekayaan atau membina akar kestabilan.

Tafsiran ini didasari oleh sekitaran kognitif pembaca yang akrab dengan falsafah Melayu tradisional yang berkait rapat dengan kepentingan keteguhan hati. Persoalan “Betulkah?” pada hujung ujaran tersebut bertindak sebagai perangsang yang mengajak pembaca untuk menilai semula kepercayaan tradisi tersebut. Kesan kognitif yang terhasil membolehkan pembaca memahami dilema Imrah yang terpaksa berpindah-randah akibat tuntutan kerjaya atau tekanan sosial. Menurut Fransisca Dwi Harjanti et al. (2022), metafora sastera sebegini sering digunakan untuk menyampaikan mesej moral secara tidak langsung. Dalam konteks ini, penggunaan metafora tersebut menggambarkan ketegangan antara keinginan untuk berjaya dengan realiti perpindahan yang kerap dialami oleh watak.

Kesimpulannya, penggunaan TR melalui penyelarasan konsep ad hoc berjaya mencerakinkan fungsi peribahasa tradisional sebagai alat untuk mengukur risiko dalam kehidupan watak. Analisis kritis ini membuktikan bahawa makna “batu” dan “lumut” dibina secara dinamik oleh pembaca dengan menghubungkan antara input linguistik dengan realiti sosioekonomi. Dapatan ini memperkukuh hujah mengenai hubungan simbiosis antara metafora berasaskan alam dengan manifestasi nilai moral, khususnya yang menyentuh aspek kestabilan hidup watak dalam novel tersebut.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, pengkaji berjaya membuktikan bahawa penggunaan pelbagai jenis implikatur dalam novel *The Missing Piece I* karya Fatimah Busu bukan sekadar hiasan sastera, malah instrumen naratif yang kompleks. Analisis terhadap proses pembentukan makna berdasarkan teori relevans (Sperber & Wilson, 1995) menunjukkan bahawa pemahaman pembaca terhadap ujaran watak dibina melalui interaksi dinamik antara prinsip kognitif, prinsip komunikatif dan pembinaan konsep ad hoc (peluasan dan penyempitan leksikal). Melalui pengimbangan antara usaha pemprosesan mental dengan kesan kognitif yang diperoleh, pembaca berjaya mentransformasikan input linguistik yang kabur kepada makna

yang relevan mengikut konteks sosial dan budaya Melayu. Hasil kajian turut memperincikan fungsi strategik implikatur sebagai alat naratif yang berkesan bagi menggerakkan plot, mempertekal konflik emosi watak Imrah dan memperdalam tema pengkhianatan dan ketidakadilan gender. Akhir sekali, kajian ini menegaskan bahawa penggunaan implikatur secara bukan literal dalam naratif Fatimah Busu bertindak sebagai wahana kritikan sosial yang lebih berimpak berbanding dengan pernyataan secara langsung, sekali gus membuktikan keutuhan identiti wanita dalam sastera Melayu moden melalui pelibatan kognitif pembaca yang aktif.

### **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) atas penyediaan kemudahan penyelidikan, bimbingan dan sokongan institusi yang berterusan.

### **SUMBANGAN PENGARANG**

Julaina Nopiah: Penjana idea kajian, penganalisan data lanjutan, penulisan draf akhir manuskrip, penyelarasan rujukan, semakan kualiti analisis, pelaksanaan pembetulan berdasarkan saranan penilai dan pengurusan penghantaran manuskrip akhir; Murni Zulaikha Md Abdur Rafique: Pengumpulan data primer, analisis data awal, penulisan draf awal manuskrip dan pelaksanaan pembetulan berdasarkan saranan penilai.

### **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

### **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **PERISYTIHARAN**

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan atau bukan kewangan untuk diisytiharkan.

### **RUJUKAN**

Ahmad Zulkifli, Rosli Hashim, & Noraini Ahmad. (2023). Strategi implikatur dan kesantunan dalam novel kontemporari: Satu tinjauan pragmatik. *Jurnal Bahasa dan Budaya*, 7(1), 88–105.

- Aliffiah Novi Ramadhini, Intan Ratna Sari, Risma Ayu Sulistyowati, Noer Aini Eldi, & Sulistiasih. (2024). Ketertarikan interpersonal dan cinta. *Humanitis: Jurnal Humaniora, Sosial dan Bisnis*, 2(5), 523–531. <https://humanisa.my.id/index.php/hms/article/view/161>
- Amalia Nur Ramadhani, Nanang Martono, & Tri Rini Widyastuti. (2020). Hubungan sosialisasi gender dalam keluarga dengan persepsi gender siswa SMK. *SOCIA: Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial*, 17(2), 141–154. <https://doi.org/10.21831/socia.v17i2.35358>
- Blakemore, D. (2002). *Relevance and linguistic meaning: The determinants of implicature*. Cambridge University Press.
- Chapman, S. (2011). *Pragmatics*. Palgrave Macmillan.
- Fatimah Busu. (1986). *The missing piece I*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fransisca Dwi Harjanti, Kaswadi, & Rini Damayanti. (2022). Metafora dalam meme ucapan selamat pagi di media sosial. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 11(1), 221–231. <https://doi.org/10.26499/rnh.v11i1.4862>
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. Dlm. P. Cole & J. L. Morgan (Pnyt.), *Syntax and semantics 3: Speech acts* (hlm. 41–58). Academic Press.
- Hidayat Nur Septiadi, Fakhri Fakhrrur Rozy, & Alfa Rosyid Abdullah. (2021). Implikatur percakapan pada cerpen *Meminjam Anak Malang* karya Adi Zam Zam. Dlm. Taufik Hidayat (Pnyt.), *Prosiding Seminar Nasional Wijayakusuma National Conference (WNC) 2021* (hlm. 10–16). LPPM Universitas Wijayakusuma Purwokerto.
- Julaina Nopiah, & Nur Maizatul Maisarah Nasrong. (2020). Makna ujaran implisit dalam vlog Mat Luthfi: Analisis teori relevans. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 120–135.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlyna Maros, & Khairul Faiz Alimi. (2022). Analisis pragmatik dan kognitif dalam wacana sastra Melayu. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 12–25.
- Mohd Anuar Ramli. (2012). Analisis gender dalam hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, 9, 137–162. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol9no1.6>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dan pemikiran: Satu analisis pragmatik*. Universiti Malaya.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian intertekstualiti* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Okta Istiawati, & Ulfa Amalia. (2024). Konsekuensi betrayal trauma pada individu yang mengalami pengkhianatan dalam hubungan pacaran. *Concept: Journal of Social Humanities and Education*, 3(3), 146–166. <https://doi.org/10.55606/concept.v3i3.1399>
- Pilkington, A. (2000). *Poetic effects: A relevance theory perspective*. John Benjamins Publishing Company.

- Siti Solehah, & Eva Nurmayani. (2020). Implikatur dalam novel Dilan Dia adalah Dilanku pada tahun 1990 karya Pidi Baiq. *Jurnal Elkatarie: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Sosial*, 3(2), 474–486. <https://ejurnal.yayasanelkatarie.or.id/index.php/jurnalelkatarie/article/view/13>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition* (ed. ke-2). Blackwell Publishers.
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84–100. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.155>
- Wilson, D., & Carston, R. (2007). A unitary approach to lexical pragmatics: Narrowing, broadening and approximative use. Dlm. N. Burton-Roberts (Pnyt.), *Pragmatics* (hlm. 230–259). Palgrave Macmillan.
- Yus, F. (2024). *Cognitive pragmatics in narrative: Understanding ad hoc concepts in fiction*. Cambridge University Press.